

Selangor sahut cabaran jayakan bersama RMK-13, sasar jadi pemain utama serantau

SelangorKini.my

01 Oktober 2024

by Sofia Nasir

SHAH ALAM, 1 OKT: Selangor menyahut cabaran kerajaan untuk memulakan rancangan ekonomi dengan impian besar sekali gus menjayakan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha itu bagaimanapun dijangka berdepan pelbagai cabaran termasuk penggunaan teknologi semasa dan isu sosioekonomi.

"Kerajaan Negeri sambut baik kerana kita ingin cabar diri kita, bukan hanya jaguh kampung, sebaliknya menjadi pemain utama serantau. Kita perlu ada cita-cita besar dari segi prestasi yang telah ditetapkan.

"Justeru kita juga perlu sedar dan memahami apakah cabaran besar yang perlu kita hadapi. Ada beberapa perkara antaranya kemampuan untuk beradaptasi dengan teknologi," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Sesi Libat Urus RMK-13 Bersama Kerajaan Selangor di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini, hari ini.

Majlis anjuran Kementerian Ekonomi itu disempurnakan Menteri Ekonomi Rafizi Ramli dan dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim, wakil rakyat, agensi Kerajaan Negeri, pemimpin masyarakat serta pemegang taruh.

Terdahulu, Rafizi dalam ucapannya mencabar Selangor dan negeri lain untuk memulakan rancangan ekonomi dengan impian besar sekali gus menyokong usaha kerajaan menjayakan RMK-13.

Dalam pada itu, Amirudin menambah, ketidaktentuan geopolitik dunia merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi untuk terus bertahan selain isu negara menua dan perubahan mentaliti masyarakat.

“Inilah perkara yang perlu dilihat, dan ini tidak akan terhasil tanpa kestabilan politik, perpaduan tanpa rasa kecurigaan. Sebaliknya dengan keyakinan akal, kemampuan ikhtisas serta merit yang melayakkan kita,” katanya.

Selangor negeri pertama dalam siri jelajah Sesi Libat Urus RMK-13 bermula Oktober, yang bertujuan mengumpulkan idea kreatif daripada semua golongan masyarakat.

RMK-13 dijangka siap dalam tempoh enam ke tujuh bulan, sebelum dibentangkan di Parlimen pada Julai 2025.

© Copyright 2024 - Developed for the People of Selangor

Source: <https://selangorkini.my/2024/10/selangor-sahut-cabaran-jayakan-bersama-rmk-13-sasar-jadi-pemain-utama-serantau/>